

KEBERKESANAN MODUL SMART SOLEH DALAM PENDIDIKAN NILAI KANAK-KANAK: SATU KAJIAN RINTIS BERASASKAN MODEL C.E.P.A.T

EXPLORING THE EFFECTIVENESS OF THE SMART SOLEH MODULE: VALUE EDUCATION THROUGH THE C.E.P.A.T MODEL

Hanifah Musa Fathullah Harun ^{1*}

Suliah Mohd Aris ¹

Mohammad Mahyuddin Khalid ¹

Nurulaina Saidin ¹

Zulaipa Ruzulan ¹

Mohd Ashrof Zaki Yaakob ¹

Azri Bhari ¹

Popi Puadah ²

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS): Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

² Fakultas Agama Islam: Universitas Islam Jakarta, Jalan Balai Rakyat No. 37 Utan Kayu Utara Jakarta Timur 13120, Jakarta Indonesia

*Corresponding author: hanifah0704@uitm.edu.my

Article history

Received date : 29-7-2025

Revised date : 30-7-2025

Accepted date : 14-8-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Harun, H. M. F., Aris, S. M., Khalid, M. M., Saidin, N., Ruzulan, Z., Yaakob, M. A. Z., Bhari, A., & Puadah, P. (2025). Keberkesanan Modul Smart Soleh dalam pendidikan nilai kanak-kanak: Satu kajian rintis berasaskan model C.E.P.A.T. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 31 - 42.

Abstrak: Artikel ini bertujuan menilai keberkesanan modul SMART Soleh sebagai pendekatan pendidikan nilai berasaskan kerangka Model C.E.P.A.T. Model ini merangkumi lima elemen utama: Cerdas Akal, Emosi Terjaga, Peribadi Mulia, Aktif Fizikal, dan Taat Ibadah yang digabungkan dalam satu modul interaktif. Kajian rintis ini menggunakan pendekatan kuasi-eksperimen terhadap 30 murid tahap satu di sebuah sekolah rendah di Selangor. Kaedah pengumpulan data melibatkan soal selidik pra dan pasca intervensi serta pemerhatian berstruktur semasa pelaksanaan modul. Hasil kajian menunjukkan peningkatan signifikan dari segi pemahaman, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan murid. Dapatan ini menyokong potensi modul SMART Soleh sebagai alat bantu dalam pendidikan nilai yang bersepadu dan menyeronokkan. Kajian ini turut mencadangkan penambahbaikan modul dan pelaksanaan kajian lanjut berskala besar bagi mengukuhkan keberkesanan pendekatan ini.

Kata Kunci: Pendidikan Nilai, SMART Soleh, Model C.E.P.A.T, Pendidikan Rendah, Kajian Rintis

Abstract: *This article aims to assess the effectiveness of the SMART Soleh module as a value education approach based on the C.E.P.A.T Model framework. This model comprises five core elements: Cerdas Akal (Intellectual Intelligence), Emosi Terjaga (Emotional Awareness), Peribadi Mulia (Noble Character), Aktif Fizikal (Physical Activeness), and Taat Ibadah (Religious Devotion), which are integrated into an interactive module. This pilot study employed a quasi-experimental approach involving 30 lower primary students at a school in Selangor. Data collection methods included pre- and post-intervention questionnaires and structured observations during the module implementation. The findings indicate a significant improvement in students' understanding, internalisation, and practice of positive values. These results support the potential of the SMART Soleh module as a holistic and engaging tool for value-based education. The study also recommends further refinement of the module and the implementation of a large-scale study to validate the effectiveness of this approach.*

Keywords: *Value education, SMART Soleh module, C.E.P.A.T Model, pilot study, moral values, Islamic education*

Pendahuluan

Perkembangan sosial kanak-kanak merupakan aspek penting dalam pembentukan keperibadian dan sahsiah yang seimbang. Ia merangkumi keupayaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran melalui interaksi sosial, kerjasama dengan rakan sebaya, ekspresi emosi yang sesuai serta penerimaan arahan daripada orang dewasa (Hasan & Zaini, 2021). Proses ini bukan sahaja berlaku secara semula jadi, tetapi juga dipengaruhi oleh persekitaran pembelajaran dan pendekatan pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak seawal usia mereka.

Secara umumnya, usia awal kanak-kanak adalah kritikal kerana pada tahap ini, asas nilai, sikap dan tingkah laku mengalamikan proses perkembangan. Oleh itu, pendidikan yang menyeluruh dan seimbang dari segi intelek, emosi dan rohani amat diperlukan bagi memastikan pembentukan sahsiah yang kukuh dan berintegriti (Norfaezah et al., 2020). Pendidikan yang hanya menekankan aspek akademik tanpa mengambil kira pembangunan nilai dan spiritual boleh menyebabkan ketidakseimbangan dalam perkembangan kanak-kanak, khususnya dalam menghadapi cabaran sosial yang semakin kompleks.

Pembinaan nilai bukan sahaja berkait dengan penguasaan ilmu pengetahuan, tetapi juga melibatkan penghayatan dan amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Menurut Mohd Kamal Hassan (2010), pendidikan Islam menekankan pembangunan insan secara holistik yang merangkumi aspek akal, hati dan jasmani, selaras dengan konsep insan rabbani yang menjadi teras dalam falsafah pendidikan Islam. Oleh itu, pendidikan nilai Islam perlu disampaikan secara bersepadu dan berkesan agar dapat membentuk generasi muda yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga berakhlak mulia dan mempunyai jiwa hamba. Justeru, pendidikan nilai Islam yang bersifat kontekstual dan relevan dengan perkembangan semasa kanak-kanak adalah penting untuk memastikan mereka dapat membina jati diri yang kukuh dan tidak mudah terpengaruh dengan unsur negatif. Pendidikan nilai yang berkesan bukan sahaja berlaku di dalam bilik darjah, tetapi juga perlu diperluas ke luar bilik darjah melalui pendekatan yang lebih kreatif, menyeronokkan dan interaktif

Masalah Kajian

Cabaran era digital dan pengaruh persekitaran sosial menuntut pendekatan baharu yang lebih kreatif dan interaktif untuk menyampaikan pendidikan nilai kepada kanak-kanak. Kemunculan teknologi digital telah membawa perubahan besar terhadap corak kehidupan dan pembelajaran kanak-kanak. Statistik LPPKN (2019) menunjukkan peningkatan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak, yang semakin ketara pasca pandemik Covid-19 (Metro, 2021). Burnett (2010) berpendapat penggunaan digital pada peringkat awal kanak-kanak boleh merangsang dan mendorong kanak-kanak belajar dengan lebih baik, cepat dan berkesan. Kajian lain pula menunjukkan penggunaan gajet secara berlebihan boleh menjejaskan perkembangan emosi, komunikasi dan kognitif (Aina' Rasyidah & Hapsah, 2020; Naquid Nahar et al., 2017).

Lambakan cerita animasi dewasa kini juga menambahkan lagi cabaran dalam pembinaan karakter kanak-kanak kerana menurut kajian yang dilakukan Rezki (2009) secara semula jadi minda seorang kanak-kanak sangat mudah untuk dipengaruhi dengan apa yang mereka tonton. Justeru itu dalam mendepani cabaran tersebut, perlunya sokongan pendidikan nilai menerusi pendidikan Islam diterapkan di luar bilik darjah agar tercapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Walaubagaimanapun kekurangan modul pembelajaran agama yang interaktif dan relevan menjadikan proses pengajaran nilai murni sukar untuk dilaksanakan secara berkesan oleh pendidik dan sukarelawan.

Meskipun pelbagai pendekatan telah diperkenalkan dalam pendidikan nilai kanak-kanak, terdapat keperluan kepada modul yang lebih bersifat interaktif, kontekstual dan berasaskan pendekatan Islam yang menyeluruh. Oleh itu, Modul SMART Soleh dibangunkan sebagai satu inisiatif untuk memperkukuh pendidikan nilai Islam dalam kalangan murid sekolah rendah. Berdasarkan kerangka Model C.E.P.A.T, modul ini menekankan pembangunan holistik yang merangkumi aspek akal, emosi, rohani dan jasmani. Kajian rintis ini bertujuan menilai keberkesanan awal modul tersebut dalam menyemai nilai-nilai murni secara bersepadu dan menyeronokkan.

Kajian Literatur

Teori Perkembangan Kanak-Kanak dan Implikasinya terhadap Pendidikan Nilai
Vygotsky (1978) dalam buku "*Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*" memperkenalkan konsep ZPD iaitu singkatan bagi Zon Perkembangan Proksimal (Zone of Proximal Development). Beliau menyatakan, "*The zone of proximal development is the distance between the actual developmental level as determined by independent problem solving and the level of potential development as determined through problem solving under adult guidance or in collaboration with more capable peers*", iaitu "Zon perkembangan proksimal ialah jarak antara tahap perkembangan sebenar seseorang pelajar (iaitu apa yang dia mampu lakukan secara bersendirian) dan tahap potensi perkembangan (iaitu apa yang boleh dicapai dengan bantuan orang dewasa atau rakan yang lebih mahir)." Pendekatan ini selari dengan prinsip pedagogi Islam yang menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman dan penghayatan, seperti tadabbur dan ibrah. Selain itu, tahap kognitif kanak-kanak mempengaruhi cara mereka memahami konsep moral dan nilai. Oleh itu, pendidikan nilai perlu disesuaikan dengan tahap perkembangan mental dan emosi murid agar mereka dapat menghayati nilai secara mendalam dan bukan sekadar menghafal.

Pendekatan Islam dalam Pendidikan Akhlak Kanak-Kanak

Pendidikan nilai dalam kalangan kanak-kanak memerlukan pendekatan yang sesuai dengan peringkat perkembangan mereka. Konsep *belajar melalui bermain* yang digariskan dalam KSPK (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017) serta pendekatan pedagogi Islam seperti *tadabbur* dan pengajaran ibrah (Ulwan, n.d.) menjadi asas penting dalam pendidikan awal kanak-kanak. Kajian oleh Mohd Kamal Hasan (2010) menunjukkan bahawa kebanyakan modul nilai masih bersifat konvensional dan tidak berasaskan kerangka pembangunan nilai Islam secara tersusun.

Keberkesanan Pendekatan Dalam Membentuk Keperibadian

Kajian oleh Hamzah dan Abdullah (2021) menunjukkan bahawa pembelajaran nilai-nilai Islam melalui pendidikan akhlak memberi kesan positif terhadap kanak-kanak dalam tiga aspek utama: pengurusan sendiri, pengurusan tingkah laku dan tindakan, serta motivasi. Melalui kaedah Fuzzy Delphi, kajian ini membuktikan bahawa kesepakatan tinggi dalam kalangan pakar menyokong keberkesanan pendidikan akhlak dalam membentuk sahsiah yang baik dan berdisiplin. Kajian Hasbullah Mat Daud et al. (2023) turut menyokong pandangan ini dengan menekankan pembelajaran sosial sebagai faktor pendorong dalam pembentukan akhlak. Faktor seperti guru, ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran sekolah memainkan peranan besar dalam menyemai nilai Islam dan membentuk keperibadian pelajar yang soleh dan berakhlak mulia.

Kerangka Teori: Pembangunan Kit Model C.E.P.A.T Dan Modul Smart Soleh

Prinsip Pedagogi Islam

Prinsip pedagogi Islam merujuk kepada pendekatan, kaedah, dan nilai-nilai pendidikan yang berpandukan ajaran Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ia menekankan keseimbangan antara pembangunan intelek, rohani, emosi dan jasmani, serta berasaskan panduan daripada al-Quran, hadis, dan contoh teladan daripada Rasulullah SAW. Beberapa prinsip utama ditekankan antaranya:

Tauhid sebagai Asas Pembangunan Karektor

Pendidikan Islam berakar atas pengesaan kepada Allah (tauhid) dan penyatuan iman dalam setiap aspek ilmu. Al-Faruqi dalam bukunya *"Tawhid: Its Implications for Thought and Life"*, menjelaskan bahawa tauhid adalah asas kepada segala pemikiran dan kehidupan serta menjadi kerangka asas falsafah Islam. (Rodliyah Khuza'i, Irfan Safrudin, Hendi Suhendi, 2018).

Pembangunan Holistik Insan (Intelek, Rohani, Jasmani, Emosi)

Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam karyanya *"The Concept of Education in Islam"* (1980), menyatakan: *Tujuan menuntut ilmu dalam Islam adalah untuk menanamkan kebaikan dalam diri manusia sebagai insan dan sebagai individu. Matlamat akhir pendidikan dalam Islam ialah untuk melahirkan insan yang baik, dan bukan — seperti dalam tamadun Barat — untuk melahirkan warganegara yang baik. Maksud "baik" dalam konsep insan yang baik merujuk secara khusus kepada insan yang beradab, iaitu yang memiliki adab dalam pengertian yang merangkumi kehidupan rohani dan jasmani manusia.*

Akhlak, Spiritual dan Profesionalisme

Falsafah pendidikan Imam al-Ghazali menekankan bahawa pendidikan seharusnya menjadi jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan menyuburkan pertumbuhan rohani. Beliau berpendapat bahawa pendidikan perlu membentuk akal, akhlak, dan jiwa pelajar, agar mereka bukan sahaja berilmu, tetapi juga memiliki integriti moral dan kesedaran spiritual.

Kejayaan sebenar menurut al-Ghazali, bukan diukur melalui pencapaian duniawi, tetapi melalui hubungan yang rapat dengan Allah SWT dan pemenuhan tujuan hidup yang ditetapkan oleh-Nya. Oleh itu, pendidikan rohani dianggap sebagai elemen yang sangat penting dalam mencapai kejayaan hakiki (Jemeela & Al-Hidabi, 2025).

Pembelajaran Secara Praktikal (Tarbiyah dan Ta'lim)

Pandangan Al-Zarnuji dalam karyanya ta'lim al-Mutaallim (Huda, Jasmi, Mustari, & Basiron, 2017) menggariskan pendekatan yang menyeluruh dengan menggabungkan dimensi moral, intelek dan kerohanian. Menurut pandangan beliau, asas pedagogi tersimpul dalam niat, hormat, pembangunan akhlak, kesedaran spiritual dan komitmen emosi dan profesional. Beliau berpendapat, pedagogi ini bukan sekadar kaedah pengajaran tetapi ia merupakan Kompas moral yang boleh memandu pendidik dan pelajar ke arah kecemerlangan dalam kehidupan.

Pendidikan Secara Bertahap (Tadarruj) dan Tadabbur

Islam menganjurkan pendekatan pendidikan yang bersifat bertahap (tadarruj) dan reflektif (tadabbur) sebagai asas dalam membina kefahaman dan penghayatan yang menyeluruh. Sebagaimana roh manusia secara fitrahnya menyukai kelembutan dan hikmah, proses pendidikan juga perlu dilakukan secara beransur-ansur agar sesuai dengan kemampuan pelajar menerima dan memahami ilmu. Konsep tadarruj ini sejajar dengan kaedah al-Quran yang menurunkan hukum secara bertahap, memberi ruang kepada manusia untuk menyesuaikan diri dan berubah dengan kesedaran. Dalam masa yang sama, tadabbur memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar bukan hanya menerima maklumat secara luaran, tetapi juga merenung secara mendalam dan mengaitkan ilmu dengan kehidupan dan hubungan mereka dengan Allah S.W.T. Dalam Surah Luqman, penggunaan bahasa yang menyentuh hati seperti “Wahai anakku” bukan hanya menyampaikan ilmu, tetapi juga membina hubungan spiritual dan emosi yang kuat antara pendidik dan anak didik. Ayat-ayat ini bukan sahaja memberi tunjuk ajar tentang tauhid dan larangan syirik, tetapi juga mencerminkan pendekatan deduktif yang berperingkat dan penuh hikmah, sesuai dengan prinsip tadarruj. Oleh itu, gabungan tadarruj dan tadabbur dalam pendidikan Islam memberikan penekanan kepada pembinaan akal, hati dan tindakan — menjadikan proses pembelajaran itu bersifat menyeluruh, penuh makna dan menjurus kepada pembentukan insan Rabbani (Mukhtar, Mukhtar, & Harun, 2022).

Pembangunan Kit Model C.E.P.A.T

Kit Model C.E.P.A.T merupakan asas pembinaan modul pembelajaran yang dibangunkan bagi menyokong pendidikan nilai dan sahsiah secara interaktif. Kit ini direka sebagai medium yang mesra pengguna, mudah difahami serta menepati pendekatan Didik Hibur, yang sesuai digunakan dalam kalangan guru, fasilitator, dan sukarelawan. C.E.P.A.T merupakan akronim kepada lima komponen utama yang merangkumi pendekatan holistik dalam pembelajaran. C.E.P.A.T merupakan akronim kepada lima komponen utama yang merangkumi pendekatan holistik dalam pembelajaran:

Jadual 1: Kerangka Kit C.E.P.A.T

Komponen	Maksud	Fokus Utama	Aktiviti
C	Cerita	Ceria Belajar : Menyampaikan nilai melalui cerita pendek, animasi atau nyanyian	Tayangan video, perbincangan, nyanyian, aktiviti berkumpulan
E	Emosi Terkawal	Emosi Terkawal : Refleksi emosi dan pemahaman perasaan diri	Kad emosi, penceritaan semula

P	Pengajaran	Praktikal Nilai: Pengukuhan melalui aktiviti kreatif dan kolaboratif	Kraf nilai, pertandingan
A	Amalan	Aktif & Kreatif : Latihan nilai dalam kehidupan harian dan eksplorasi seni	Simulasi, lakonan nilai, senarai tindakan, kuiz, mewarna
T	Teguh	Tadabbur: ayat/hadis dan pengajaran nilai	Menghafaz ringkas, penjelasan maksud dan ibrah

Kit Model C.E.P.A.T ini dibangunkan berasaskan kepada prinsip-prinsip teori perkembangan kanak-kanak serta berpandukan kepada pendekatan pedagogi Islam yang menekankan keseimbangan antara Jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Selain itu, kit ini turut disesuaikan dengan aspirasi Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang menggalakkan pembelajaran melalui permainan, pengalaman sebenar dan pemupukan nilai secara bersepadu. Secara keseluruhannya, Kit C.E.P.A.T direka untuk memenuhi keperluan pendidikan nilai Islam yang lebih praktikal, menyeronokkan dan relevan, khususnya kepada kanak-kanak dan remaja yang terdedah kepada pengaruh digital dan hiburan masa kini.

Penghasilan Modul SMART SOLEH: Ayuh Anakku Sayang

Berdasarkan kerangka C.E.P.A.T, modul SMART SOLEH: Ayuh Anakku Sayang telah dibangunkan dan direka khusus untuk digunakan dalam program Sukarelawan Universiti untuk Sekolah (USR) seperti kursus motivasi yang menyasarkan pelajar sekolah rendah dan menengah rendah.

Matlamat utama modul ini adalah:

- Menyediakan pengisian ilmiah yang menarik, santai dan bermakna
- Menyampaikan ilmu fardu ain secara praktikal dan interaktif
- Menyemai nilai dan sahsiah secara konsisten melalui aktiviti yang menyeronokkan

Modul ini menggabungkan pendidikan Islam tradisional dengan pendekatan pedagogi kontemporari berlandaskan lima komponen utama C.E.P.A.T. Ia memberi fokus kepada pembinaan ilmu, emosi, akhlak dan spiritual dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan menyentuh jiwa.

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Modul

Dalam aspek pembelajaran, pendidikan secara santai seperti melalui aktiviti bermain adalah antara cara yang dianggap sesuai dan boleh mempengaruhi jiwa kanak-kanak. Sharifah, N.P et.al (2011) menyatakan bahawa melalui kaedah santai dengan memasukkan elemen bermain dalam pendidikan dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan menggemirakan. Oleh demikian, Aktiviti modul disusun secara berfasa mengikut komponen C.E.P.A.T dan disesuaikan mengikut tahap umur peserta. Pendekatan pembelajaran bersifat interaktif dan berpusatkan pelajar, dengan tumpuan kepada elemen hiburan didik.

Jadual 2: Aktiviti Utama C.E.P.A.T

Bil.	Tajuk Aktiviti	Huraian
1	<i>Nasyid Tematik “Cahaya Ilmu”</i>	Pembukaan program dengan nyanyian nasyid tematik bagi membina semangat dan kesatuan emosi peserta.
2	<i>Menghidupkan Solat dengan Hati dan Aksi</i>	Penilaian dan pemahaman asas solat melalui aktiviti simulasi dan bimbingan praktikal.
3	<i>Mari Mengenal Cendekiawan Islam</i>	Penceritaan tokoh-tokoh ilmuwan Islam sebagai sumber inspirasi kepada peserta.
4	<i>Tadabbur Minda dan Celik Sunnah</i>	Bimbingan menghafal dan memahami ayat-ayat ringkas serta hadis berkaitan akhlak dan doa harian.
5	<i>Fiqh Praktikal</i>	Simulasi situasi berkaitan najis dan cara bersuci secara praktikal dan interaktif.
6	<i>SpeedStack</i>	Permainan ketangkasan untuk mengasah fokus, daya tumpuan, dan kerjasama berkumpulan.
7	<i>Pandai Jawi</i>	Aktiviti literasi Jawi yang kreatif dan menyeronokkan.
8	<i>Eksplorasi Warna</i>	Aktiviti seni dan kraf untuk membina keyakinan diri dan mengekspresikan kreativiti.

Setiap kumpulan terdiri daripada empat peserta dan seorang fasilitator, bagi memastikan pemantauan rapi dan interaksi peribadi secara konsisten sepanjang aktiviti dijalankan. Menurut Ili Raihana, A. R., & Suziyani, M. (2023), salah satu pendekatan bermain sambil mendidik telah digariskan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Ia bertujuan mewujudkan rasa seronok dalam pembelajaran dan dalam masa yang sama memberi gambaran jelas terhadap pelbagai aspek melibatkan kognitif, fizikal, emosi, intelek, bahasa dan sosial kanak-kanak. Pendekatan ini juga memberi ruang kepada kanak-kanak untuk belajar dalam persekitaran yang selamat, menggembirakan, bebas dan bermakna menerusi pendekatan belajar melalui bermain ini kerana pendekatan ini dirancang dan distrukturkan

Libat Urus Mahasiswa dan Pelaksanaan Program

Sebagai sebahagian daripada pendekatan komuniti dan pembelajaran berasaskan lapangan, satu sesi penerangan khas telah dilaksanakan bersama pelajar Diploma Pendidikan Islam daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Dalam sesi ini, mereka didedahkan kepada:

- Dapatan awal kajian
- Isu kefahaman pelajar terhadap ibadah asas
- Kepentingan intervensi bersifat nilai dan sahsiah

Mahasiswa kemudiannya terlibat secara langsung dalam pelaksanaan modul SMART SOLEH di sebuah sekolah terpilih melalui program USR. Pendekatan ini memberi manfaat dua hala:

- Mahasiswa dapat mempraktikkan ilmu pedagogi dan kemahiran pelaksanaan
- Pelajar sekolah menerima input nilai secara berstruktur, menyeronokkan dan menyentuh hati

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen melibatkan satu kumpulan murid ($n = 33$) tahap satu berumur 11 hingga 17 tahun tahap satu dari sebuah sekolah di Shah Alam. Ekperimen ini dijalankan bagi menilai tahap kefahaman ibadah asas seperti solat dan bersuci. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik pra dan pasca intervensi, pemerhatian fasilitator, serta temu bual separuh berstruktur.


Kajian awalan dilakukan dengan menyediakan 10 soalan objektif fiqh asas umum, manakala aktiviti modul disusun mengikut kerangka Kit Model C.E.P.A.T. Secara umumnya, data kuantitatif dianalisis secara deskriptif menggunakan peratusan, manakala data kualitatif dianalisis melalui kaedah tematik

Kajian Rintis

Bagi mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap isu-isu asas ibadah yang berkaitan dengan solat dan bersuci, satu kajian rintis telah dijalankan sebelum pelaksanaan Modul SMART SOLEH. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang terdiri daripada 10 soalan objektif berdasarkan situasi harian yang lazim dihadapi pelajar. Seramai 33 orang pelajar dalam lingkungan umur 11 hingga 17 tahun telah terlibat sebagai responden. Soalan tersebut merangkumi topik seperti niat solat, kedudukan makmum dan imam, sujud sahwi, hukum najis, serta perbuatan dan pergerakan semasa solat, bagi menilai pemahaman pelajar terhadap konsep asas fardu ain. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis untuk mengkategorikan tahap kefahaman kepada tiga tahap utama iaitu tinggi ($\geq 90\%$), sederhana (75–89%), dan rendah ($< 50\%$).

Jadual 3: Senarai skop soalan

No.	Soalan
1	Saya menunaikan solat tanpa niat dengan sengaja
2	Ali mendahului imam secara sengaja dalam solat berjemaah
3	Terlupa tahiyat awal dan tidak buat sujud sahwi
4	Alias menqada solat maghrib ke isyak kerana terlalu penat
5	Najis Mughallazah (Berat)
6	Pernyataan yang BENAR berkaitan najis
7	Menentukan BUKAN najis
8	Bercakap semasa rukuk
9	Solat ikut arah kompas dalam bangunan
10	Hukum tergelak kecil dalam solat



Rajah 1: Peratusan tahap kefahaman pelajar

Secara keseluruhan, dapatan awal menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar terhadap isu-isu asas ibadah adalah bervariasi. Soalan-soalan seperti mendahului imam, najis mughallazah, arah kiblat, dan niat solat mencatatkan tahap kefahaman tinggi ($\geq 90\%$), menandakan pelajar lebih jelas dalam aspek praktikal yang sering dihadapi. Sebaliknya, topik seperti sujud sahwi, bercakap semasa solat, dan qada' solat kerana keletihan berada pada tahap sederhana (75–89%), menunjukkan terdapat segelintir pelajar yang masih keliru terhadap hukum-hukum dalam situasi tertentu. Perkara yang paling membimbangkan, hanya 42.4% pelajar berjaya mengenal pasti pernyataan yang benar berkaitan najis, mencerminkan kekeliruan ketara dalam pemahaman asas bersuci, yang merupakan prasyarat utama sahnya ibadah. Berdasarkan hasil tersebut, didapati bahawa:

- Kaedah pengajaran konvensional semata-mata tidak mencukupi untuk menyampaikan nilai-nilai agama dengan berkesan kepada pelajar zaman kini.
- Terdapat keperluan untuk satu pendekatan moden, kreatif, dan menyeronokkan yang mampu membina kesedaran nilai secara menyeluruh untuk kanak-kanak dan remaja

Perbincangan Dan Kesimpulan

Pelaksanaan Modul SMART SOLEH: Ayuh Anakku Sayang berdasarkan Kit Kerangka Model C.E.P.A.T membuktikan bahawa pendekatan pendidikan nilai yang bersifat interaktif, emosi dan holistik sangat efektif dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Dapatan awal daripada kajian rintis serta maklum balas pelajar dan fasilitator mengukuhkan lagi kepentingan pendekatan kontemporari yang bersifat didik hibur dalam menyampaikan pendidikan agama dan nilai. Modul ini menepati prinsip *child-centered learning* seperti yang disarankan oleh Vygotsky melalui konsep Zone of Proximal Development (ZPD). Peserta menunjukkan perubahan yang signifikan apabila pembelajaran dijalankan dalam persekitaran yang menyokong, menyeronokkan dan melibatkan peranan fasilitator yang aktif membimbing. Hal ini sejajar dengan falsafah pendidikan Islam yang menyarankan pembelajaran yang menyeluruh — merangkumi akal, hati, dan amal.

Secara praktikalnya, penggunaan elemen cerita dan emosi membantu peserta memahami konteks nilai dengan lebih mendalam. Kajian yang dilakukan oleh Abdul Rahman, M. N., Abdul Malek, A. ., & Mansor, M. A. . (2021), teknik penceritaan atau *storytelling* lebih menarik dan mudah difahami pendengar serta membolehkan kanak-kanak menyuarakan pendapat dan perasaan secara lisan. Selain itu ia juga mampu mempengaruhi perkembangan mereka dalam nilai emosi, intelektual, dan sosial. Pendekatan ini telah lama digunakan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran baik secara formal atau tidak. Malahan pendekatan ini digunakan dalam al-Quran seperti kisah berkaitan Nabi Sulaiman AS dan Puteri Balqis dalam Surah al-Naml (ayat 41-44), kisah Nabi Lut AS dengan kaumnya dalam Surah al-Anbiya' (ayat 74-75), kisah Nabi Yusuf AS dalam Surah Yusuf dan sebagainya. Pendekatan penceritaan turut digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam proses pendidikan dan dakwah kepada umatnya yang memberi pengaruh yang mendalam bukan sahaja kepada para sahabat bahkan kepada ahli Kitab yang akhirnya mengakui kebenaran risalah Islam (Kemal Husen, et. al, 2025) Kajian yang dilakukan oleh Mohd Zin, S. M., Azizan, N. I., Ismail, S., & Mansor, F. N. (2021) merumuskan bahawa pendekatan penceritaan dan belajar sambil bermain lebih menarik dan mudah untuk pelajar mengingati sesuatu.

Pendekatan tadabbur dan ibrah dalam modul ini menjadikan ayat-ayat al-Quran serta hadis bukan sekadar teks, tetapi mesej hidup yang dapat dirasai dan diamalkan. Terdapat banyak faedah mentadabbur al-Quran iaitu yang pertama akan membimbing kepada keimanan dan peningkatannya (Al-Taubah: 124 dan (Al-Anfal:2). Faedah kedua ialah tadabbur akan mendorong kepada ketakutan dan pengharapan kepada Allah SWT (Al-Zumar ayat 23). Manakala faedah ketiga ialah tadabbur membawa kepada amal. Tadabbur al-Quran tidaklah terhenti bagi seorang Mukmin sekadar mendengar dan terkesan tetapi mengamalkannya dengan perbuatan dan mentaati Allah dan RasulNya (al-Wahbi, 2019).

Aktiviti seperti lakonan, kraf dan simulasi pula memberikan ruang kepada peserta mempraktikkan nilai secara nyata, bukan sekadar di tahap kognitif. Perkara ini turut dinyatakan dalam kajian Badarudin et. al (2021) bahawa teknik penceritaan dan lakonan perlu diaplikasikan dalam setiap aspek pengajaran kerana didapati banyak kesan yang positif.

Dari sudut pedagogi, Modul SMART SOLEH menunjukkan keberkesanan apabila pelajar:

- Lebih memahami konsep ibadah asas seperti niat, najis dan sujud sahwi
- Mampu mengenal pasti kesalahan dan memperbaiki amalan dengan bimbingan
- Terlibat secara aktif, berani menyuarakan pendapat, serta bekerjasama dalam kumpulan

Melalui aktiviti lapangan bersama mahasiswa pendidikan, pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman pelajar sekolah, malah memperkasa mahasiswa untuk mengaplikasikan ilmu pedagogi Islam secara langsung dan realistik. Ini memperkukuh keterikatan antara institusi pengajian tinggi dan komuniti setempat, selari dengan aspirasi Universiti untuk Rakyat.

Kesimpulan

Kajian rintis ini membuktikan potensi modul SMART Soleh dalam menyampaikan pendidikan nilai secara kreatif dan berkesan kepada murid tahap satu. Peningkatan kefahaman dan penghayatan nilai dalam kalangan murid membuktikan bahawa pendekatan Model C.E.P.A.T relevan dan praktikal untuk diaplikasikan dalam konteks pendidikan rendah. Modul ini juga menyumbang secara langsung kepada hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Selain itu, ia selari dengan prinsip Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) khususnya dalam aspek pendidikan berkualiti (SDG 4) dan pembentukan masyarakat yang inklusif dan berakhlak.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor serta rakan Memorandum Persefahaman Akademik (MOA) daripada Fakultas Agama Islam, Universitas Islam Jakarta atas sokongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang pembangunan dan pelaksanaan kajian ini. Kajian ini masih sedang berjalan, dan sebarang penambahbaikan akan terus dilaksanakan berdasarkan dapatan serta maklum balas daripada pelbagai pihak yang terlibat.

Rujukan

- Abdul Rahman, M. N., Abdul Malek, A., & Mansor, M. A. (2021). Pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak: Culturally responsive pedagogy through folk tales for early childhood literacy skills. *Sains Insani*, 6(1), 91–98. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.254>
[researchgate.net+9oarep.usim.edu.my+9researchgate.net+9](https://www.researchgate.net/publication/359090909)
- Aina' Rasyidah, S., & Hapsah, M. Y. (2020). Penggunaan gajet terhadap perkembangan kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Special Issue)*, 9, 113–126.
- Al-Attas, S. M. N. (1980). The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education. Perpustakaan Negara Malaysia. <https://archive.org/details/the-concept-of-education-in-islam/page/n3/mode/2up>
- Al-Wahbi, F. (2019). Tadabbur al-Quran: Konsep, cara dan hikmahnya. ABIM.
- Badarudin, M. N., Baharudin, H., & Nik Mohd Rahimi, N. Y. (2022). Keberkesanan strategi pemerolehan kosa kata bahasa Arab melalui teknologi multimedia penceritaan digital dan lakonan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 459–474. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Burnett, C. (2010). Technology and literacy in early childhood educational settings: A review of research. *Journal of Early Childhood Literacy*, 10(3), 247–270. <https://doi.org/10.1177/1468798410372154>
- Hasan, N. D., & Zaini, S. H. (2021). Application of social skills to children through role-playing activities. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(1), 25–40. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.1.3.2021>
- Huda, M., Jasmi, K. A., Mustari, M. I., & Basiron, B. (2017). Understanding divine pedagogy in teacher education: Insights from Al-Zarnuji's Ta'lim al-Muta'allim. *The Social Sciences*, 12(4), 674–679.
- Ili Raihana, A. R., & Suziyani, M. (2023). Cabaran guru melaksanakan pendekatan bermain dalam PdP di prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(6), e002204. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i6.2204>
- Jemeela, J., & Al-Hidabi, D. (2025). Al-Ghazali's framework of teachings professional values: Analyzing the pedagogical principles in Islamic education. *Al-Burhān: Journal of Qur'ān and Sunnah Studies*, 9(1), 1–18. <https://journals.iium.edu.my/al-burhan/index.php/al-burhan/article/view/363/234>
- Kemal Husen, H., Hidayatullah, & Muhammad Arifin. (2025). Pendekatan metode pembelajaran berdasarkan nilai-nilai Al Qur'an dan Hadits. *QOSIM: Jurnal Pendidikan Sosial & Humaniora*, 3(1), 303–317. <https://doi.org/10.61104/jq.v3i1.811>
[researchgate.net+3ejournal.yayasanpendidikandzurriyatulquran.id+3ejournal.yayasanpendidikandzurriyatulquran.id+3](https://www.researchgate.net/publication/359090909)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Kamal Hassan. (2010). A return to the Qur'anic principles of educational integration: The Qur'anic worldview, tarbiyah project and the university's vision and mission. IUM.
- Mohd Zin, S. M., Azizan, N. I., Ismail, S., & Mansor, F. N. (2021). Pendekatan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan Al-Quran antara dua institusi pra tahfiz di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 74–89. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/77>
- Mukhtar, Z., Mukhtar, N., & Harun, A. (2022). The concept of pedagogy in the Quran. *International Journal of Advanced Multidisciplinary*, 1(1), 66–72. <https://doi.org/10.38035/ijam.v1i1>

- Norfaezah, M. H., Siti Nurhajariah, M. I., Awatif, A. R., & Idi, H. (2020). Pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) di Malaysia: Kajian literatur. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 1–15.
- Rodliyah Khuza'i, Safrudin, I., & Suhendi, H. (2018). Islamization of Isma'il Raji al-Faruqi's knowledge: Study of contemporary epistemology. In *Proceedings of the 1st Social and Humaniora Research Symposium (SoRes 2018) (Vol. 307)*. Atlantis Press. <https://www.atlantis-press.com/proceedings/sores-18/55915331>
- Rosnani Hashim. (2004). *Educational dualism in Malaysia: Implications for theory and practice*. Oxford University Press.
- Sharifah, N. P., & Aliza, A. (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 1–15.
- Sidek, B. (2019). Pendidikan berasaskan nilai: Konsep dan amalan. Penerbit Universiti Malaya.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes* (M. Cole, V. John-Steiner, S. Scribner, & E. Souberman, Eds. & Trans.). Harvard University Press.
- Wan Amy. (2018). Nak tahu fokus anak usia 3–6 di tahap mana, buat aktiviti ini baru faham. *Majalah PAMA*. <https://www.majalahpama.my/nak-tahu-fokus-anak-usia-3-6-tahun-di-tahap-mana-buat-aktiviti-ini-baru-mudah-faham-1/>
- Hashim, R., & Embong, R. (2016). *Education in Malaysia: Philosophy and development*. IIUM Press.
- Hamzah, N., & Abdullah, H. (2021). *Pendidikan nilai-nilai Islam dalam pembentukan keperibadian murid* [Education of Islamic values in the formation of pupils' personality]. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(1), 19–30. ISSN 1675-4271
- Hasbullah Mat Daud, Yussuf, A., & Abdul Kadir, F. A. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam [Student morality and personality formation through social learning according to Islamic perspective]. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 75–89. Universiti Kebangsaan Malaysia. ISSN: 1823-884X.